



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

**Tajuk:
TAKWA MEMAKMUR WILAYAH**

**Tarikh Dibaca:
11 SYAABAN 1447H /
30 JANUARI 2026**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا كُنَّا لِلَّهِ حَاشِيَةً
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TAKWA MEMAKMUR WILAYAH

30 JANUARI 2026 / 11 SYAABAN 1447H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾﴾

ابراهيم [7]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketahuilah bahawa takwa bukan sekadar ibadah peribadi yang tersembunyi dalam hati, tetapi kekuatan rohani yang membentuk sikap, pertimbangan dan cara kita mengurus kehidupan. Takwa menjadikan seseorang berhati-hati ketika diberi nikmat, adil ketika diberi kuasa, dan jujur ketika diberi amanah. Tanpa takwa, nikmat boleh melalaikan, kuasa boleh merosakkan, dan amanah boleh dikhianati. Khutbah hari ini bertajuk: **“Takwa Memakmur Wilayah”**.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Syukur yang sebenar ialah apabila nikmat dipelihara, digunakan pada jalan yang diredai Allah, dan tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri yang bercanggah dengan syarak. Apabila syukur hilang, nikmat yang banyak pun boleh menjadi punca kerosakan. Allah SWT berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 7:

***Maksudnya:** Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".*

Ayat ini menegaskan bahawa nikmat Allah tidak kekal dengan kelalaian, tetapi dipelihara dan ditambah melalui syukur yang sebenar, iaitu ketaatan kepada Allah dan penggunaan nikmat pada jalan yang diredai-Nya.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Kita kini berada dalam bulan Syaaban, bulan persediaan menuju Ramadan. Bulan ini mengajar kita untuk menilai semula keadaan hati sebelum memasuki bulan latihan rohani yang agung. Para ulama menyebut bahawa Syaaban ialah bulan menyucikan niat, memperbetulkan amal dan membersihkan hubungan sesama manusia.

Persediaan menuju Ramadan bukan hanya menambah ibadah, tetapi juga memperbaiki akhlak, amanah dan adab. Tidak ada makna puasa yang panjang jika lidah masih longgar menuturkan kata-kata yang melukakan, dan jari masih ringan menulis perkara yang menambah fitnah.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Antara ujian besar dalam kehidupan bermasyarakat ialah amanah. Amanah dalam pekerjaan, amanah dalam harta, amanah dalam jawatan dan amanah dalam kepercayaan. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim:

"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpinnya".

Hadis ini mengingatkan bahawa amanah bukan milik golongan tertentu, tetapi kewajiban setiap insan. Amanah yang dijaga melahirkan kepercayaan, manakala amanah yang dikhianati meruntuhkan nilai dan keharmonian masyarakat.

Namun dalam menghadapi isu amanah, Islam bukan sahaja mendidik mereka yang memegang amanah, bahkan membimbing adab orang yang menyaksikan atau mendengar tuduhan terhadap amanah tersebut.

Muslimin yang dimuliakan Allah,

Islam mengajar kita agar berlaku adil, berlapang dada dan beradab dalam lisan serta tulisan. Tidak setiap perkara yang didengar wajar disebarkan, dan tidak setiap tuduhan perlu diulas. Menyebarkan kata-kata yang belum pasti kebenarannya, atau menambah-nambah cerita dengan sangkaan dan emosi, bukan tanda keprihatinan, tetapi petanda hilangnya takwa. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ... ﴿١٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa...”

Adab orang beriman ialah menahan lidah daripada menghukum, menjaga tulisan daripada menyakiti, dan menyerahkan urusan yang rumit kepada saluran yang betul. Teguran disampaikan dengan hikmah, doa dipanjatkan dengan ikhlas, dan keadilan diserahkan kepada aturan yang telah ditetapkan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

1 Februari merupakan Hari Wilayah Persekutuan, dan pada minggu ini kita berada dalam suasana memperingatinya. Ia bukan sekadar tarikh dalam kalendar, tetapi ruang untuk kita bermuhasabah tentang amanah besar yang dipikul oleh setiap insan yang hidup dan bekerja di wilayah ini. Wilayah Persekutuan bukan hanya pusat pentadbiran dan

pembangunan negara, bahkan medan pertemuan pelbagai latar masyarakat, kepakaran dan tanggungjawab bersama.

Sesebuah wilayah tidak akan benar-benar makmur hanya dengan bangunan yang tersergam dan perancangan yang rapi, tetapi dengan manusia yang bertakwa, beramanah dan beradab. Apabila nilai takwa subur dalam diri warga, amanah dijunjung dalam setiap peranan, dan adab dipelihara dalam tutur kata serta tindakan, maka wilayah ini akan menjadi tempat yang aman, sejahtera dan diberkati.

Sempena Hari Wilayah ini, marilah kita menilai peranan masing-masing sebagai penjawat awam, pekerja, peniaga, pemimpin keluarga dan anggota masyarakat. Setiap sumbangan yang jujur, setiap amanah yang ditunaikan dengan ikhlas, dan setiap adab yang dijaga dalam perbezaan, semuanya menyumbang kepada kemakmuran wilayah yang sebenar. Inilah makna wilayah yang diberkati bukan hanya maju pada zahirnya, tetapi tenang dan sejahtera pada batinnya.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, marilah kita rumuskan tiga isi utama khutbah hari ini:

1. Syukur yang sebenar ialah apabila nikmat yang Allah beri dipelihara dengan taat, digunakan pada jalan yang diredai, dan tidak disalah guna untuk maksiat.
2. Amanah ialah ukuran takwa dalam kehidupan bermasyarakat. Amanah bukan hanya milik pemimpin atau orang berjawatan tinggi, tetapi amanah itu ada pada setiap orang di rumah, di tempat kerja, dalam urusan harta, dalam tutur kata, bahkan dalam penggunaan media sosial.
3. Takwa membentuk adab. Takwa bukan hanya dilihat pada banyaknya ibadah, tetapi juga pada adab kita ketika berhadapan isu masyarakat.

Sebagai penutup, marilah kita memperbaharui tekad bahawa kemakmuran sesuatu wilayah tidak akan lahir hanya melalui pembangunan dan kemajuan duniawi, tetapi melalui ketakwaan yang hidup dalam diri setiap warganya. Syukur yang benar akan menambah nikmat, amanah yang dijaga akan melahirkan kepercayaan, dan adab yang dipelihara akan mengekalkan keharmonian. Dalam bulan Syaaban yang mulia ini, ayuh kita

bersihkan niat, perbaiki akhlak dan kuatkan disiplin diri agar Ramadan nanti benar-benar membina jiwa yang bertakwa. Semoga Allah SWT menjadikan kita hamba yang mensyukuri nikmat, memelihara amanah, menjaga lisan serta tulisan, dan seterusnya menyumbang kepada Wilayah yang aman, sejahtera dan diberkati.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكِينِدَا يَغِ د-قُرْتَوَانِ ائْخُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكِينِدَا رَاغِ قُرْمَايسُورِي ائْخُوغُ، رَاغِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ
نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.